

KUALA LUMPUR, 18 MAC (BERNAMA) -- DEWAN RAKYAT HARI INI MELULUSKAN USUL LAPORAN ULANGKAJI PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI SARAWAK OLEH SURUHANJAYA PILIHANRAYA.

PERSEMPADANAN SEMULA ITU DILAKUKAN OLEH SURUHANJAYA TERSEBUT BERIKUTAN DEWAN RAKYAT MELULUSKAN PERTAMBAHAN KERUSI PARLIMEN DI NEGERI ITU DARIPADA 24 KEPADA 27 DAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI DARIPADA 48 KEPADA 56 DI BAWAH AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1985 PADA OKTOBER TAHUN 1985.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK ABDUL AJIB AHMAD, KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN KE ATAS USUL ITU BERKATA BAGAIMANAPUN, KAWASAN-KAWASAN PILIHAN RAYA NEGERI YANG BARU ITU TIDAK BOLEH DIGUNAKAN PADA PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK YANG AKAN DIADAKAN TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU BERKATA INI ADALAH KERANA DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK DIBUBARKAN SEBELUM USUL INI DILULUSKAN OLEH PARLIMEN DAN DIWARTAKAN.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KETIKA MEMBENTANGKAN USUL ITU, BERKATA PERSEMPADANAN BARU KAWASAN PILIHAN RAYA PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI SARAWAK ITU AKAN MEMBUKA PELUANG KEPADA RAKYAT NEGERI ITU MENDAPAT PERWAKILAN YANG LEBIH SEIMBANG DAN BERKESAN. -- LAGI

1914MST 18 03 87

U B009 DEB

PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA ITU, SURUHANJAYA TELAH MENCUBA SEDAYA UPAYA MENENTUKAN TERDAPAT BILANGAN PEMILIH YANG BERPATUTAN BAGI SATU-SATU BAHAGIAN PILIHAN RAYA.

SURUHANJAYA JUGA TERPAKSA MENENTUKAN BAHAWA BAHAGIAN PILIHAN RAYA ITU TIDAK BEGITU LUAS SEHINGGA MEMBERI KESUKARAN YANG AMAT BESAR KEPADA WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH KELAK.

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA PEMBENTANGAN USUL ITU TIADA KAITAN SAMA SEKALI DENGAN PERKEMBANGAN POLITIK DI SARAWAK SEKARANG KERANA IA TELAH DIJADUALKAN UNTUK DIBENTANGKAN DI PARLIMEN LAMA SEBELUM PERKEMBANGAN ITU BERLAKU.

KATANYA, BERLAKUNYA PERKEMBANGAN DI SARAWAK ITU SEMASA USUL INI DIBENTANGKAN ADALAH SECARA KEBETULAN SEMATA-MATA.

BELIAU BERKATA PERSEMPADANAN ITU DILAKUKAN UNTUK MEMENUHI KEHENDAK PERLEMBAGAAN NEGARA YANG MENETAPKAN KAWASAN-KAWASAN PILIHAN RAYA HENDAKLAH DIKAJI SETIAP LAPAN TAHUN SEKALI DI SAMPING KERANA PERKEMBANGAN SOSIO EKONOMI YANG PESAT SERTA PERTAMBAHAN PENDUDUK DAN PENGUNDI DI NEGERI ITU DALAM MASA 10 TAHUN LEPAS. -- LAGI

1920MST 18 03 87

U B011 DEB

PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK TELAH MEMINDA PERKARA 19(2) PERLEMBAGAAN NEGERI SARAWAK PADA 18 MEI 1985 BAGI MENYELARASKAN PINDAAN YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN RAKYAT MENGENAI PERTAMBAHAN KERUSI PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI ITU.

MENGENAI JUMLAH PEMILIH, BELIAU BERKATA JUMLAH PEMILIH BAGI NEGERI SARAWAK MENGIKUT DAFTAR YANG DISAHKAN PADA JANUARI TAHUN LEPAS IALAH 607,232 ORANG.

ANGKA INI MERUPAKAN PERTAMBAHAN 47.14 PERATUS DARIPADA JUMLAH PEMILIH SEBANYAK 412,676 PADA 1977.

MENGIKUT LAPORAN ITU, PURATA PEMILIH BAGI SETIAP KAWASAN PARLIMEN IALAH 22,490 ORANG MANAKALA PURATA BAGI SETIAP KAWASAN NEGERI IALAH 10,843 ORANG, TAMBAHNYA.

KATANYA, SURUHANJAYA MENGHADAPI KESUKARAN DALAM MENSEIMBANGKAN PEMILIH BAGI TIAP-TIAP BAHAGIAN PILIHAN RAYA BERPANDUKAN SECARA KETAT KEPADA FAKTA PURATA PEMILIH. -- LAGI

0081

U 2019 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

INI DISEBABKAN KEADAAN MUKA BUMI DAN PENDUDUK SARAWAK YANG TERTUMPU KE KAWASAN-KAWASAN TERTENTU SAHAJA DAN ADANYA YANG TINGGAI DI KAWASAN YANG TERPENCIL.

INI MENYEBABKAN BILANGAN PEMILIH BAGI BAHAGIAN TERTENTU DI KAWASAN LUAR BANDAR KHUSUSNYA DI PEDALAMAN LEBIH RENDAH DARIPADA SEPATUTNYA, TAMBAH BELIAU.

SEMASA MENYOKONG USUL ITU MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATUK DR SULAIMAN DAUD, BERKATA PEMBANGUNAN PESAT DI SARAWAK TELAH MELUASKAN MATA PENCARIAN RAKYAT NEGERI ITU SEMENJAK MERDEKA TETAPI PENYALURAN SUARA RAKYAT MELALUI WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH JUGA PERLU DITITIKBERATKAN.

BAGAIMANAPUN KEADAAN SEKARANG MENYUKARKAN RAKYAT MENEMUI WAKIL RAKYAT KAWASAN MEREKA DAN WAKIL RAKYAT ITU JUGA SUKAR MENEMUI PARA PENGUNDI MEREKA KERANA KAWASAN PILIHAN RAYANYA YANG LUAS.

MENGENAI KEADAAN POLITI SARAWAK SEKARANG, DATUK DR SULAIMAN BERKATA SEPATUTNYA MEREKA YANG TERBABIT MEMBAWA SEGALA RASA TIDAK PUAS HATI MEREKA DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI UNTUK DISELESAIKAN. -- LAGI

1943MST 18 03 87

U 2020 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PERKAMBANGAN ITU TELAH MENGGUGAT KESTABILAN POLITIK YANG DIKECKAPI OLEH RAKYAT SELAMA INI DAN IA MEMBIMBANGKAN MEREKA.

+DALAM KEADAAN NEGARA YANG BERBILANG KAUM, KEJADIAN INI MUDAH SAJA DIEKSPLOITASI OLEH PIHAK-PIHAK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENCETUSKAN KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI DI KALANGAN PENDUDUK,+ KATANYA. -- BERNAMA

1944MST 18 03 87